



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

## KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	4/8/2021 (RABU)	MUKA SURAT	:	11
JABATAN	:	JPNP			

Sinar, 4 Ogos  
2021\_11

OPERASI TEBANG  
POKOK DURIAN  
HARAM DI RAUB

Tujuh parit dibina di kawasan HSK Batu Talam bagi mengelak aktiviti perlanjan di kawasan terbabit berdurian.



# Bina tujuh parit elak ceroboh hutan simpan

Putus laluan utama ke kawasan bekas kebun durian musang king terbabit.

Oleh NORAWAZNI YUSOF

KUANTAN

**T**ujuh parit sepanjang 0.9 meter dengan lebar 1.52 meter kini dalam proses pembinaan bagi menghalang pencerobohan Hutan Simpan Kekal (HSK) Batu Talam, Raub.

Pegawai Pejabat Hutan Daerah (PHD) Raub, Shahril Mohamad berkata, dua parit dibina bagi memutuskan laluan utama ke kawasan itu dan lima lagi di beberapa tempat dalam

kawasan bekas kebun durian musang king terbabit.

Menurutnya, kerja-kerja pembinaan parit berkenaan dilakukan selepas penanaman semula pokok hutan selesai dilakukan sepenuhnya pada Sabtu lalu.

"HSK Batu Talam perlu dilindungi kerana merupakan kawasan tadahan air yang menjadi sumber bekalan pada penduduk daerah ini," katanya pada Selasa.

Shahril menjelaskan, pemantauan menggunakan dron akan dilakukan selepas ini bagi mengelakkan pencerobohan.

Beliau berkata, episod hitam pencerobohan HSK Batu Talam yang dijadikan kebun durian musang king secara haram oleh penduduk setempat sebelum ini diharap tidak berulang lagi selepas ini.

Sementara itu, Penolong Pengarah Pejabat Pembangunan Hutan Pahang

Barat Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP), Wan Ghazali Wan Ali berkata, pihaknya menanam sebanyak 19,293 pelbagai spesies pokok hutan antaranya merawan, meranti, balau dan keruing.

Ujarnya, sebanyak 610 spesies pokok nadir membabitkan 200 sentul dan 410 tampoi berumur enam bulan hingga setahun ditanam secara selarak dalam kawasan HSK Batu Talam.

"Kerja menanam pokok dilakukan kakitangan JPNP membabitkan semua daerah, aktiviti menanam berjalan lancar dengan pengawasan anggota Pasukan Gerakan Am (PGA) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang turut sama menyertai Operasi Pamah," ujarnya.

Operasi penanaman itu dilakukan selepas JPNP ke memusnahkan kira-kira 15,000 pokok durian musang king yang ditanam di atas tanah seluas 101 hektar secara haram.

